

PANDUAN PENDAFTARAN PENAMATAN PERNIAGAAN

Syarat-syarat mendaftarkan penamatan perniagaan

1. Dibawah peruntukan seksyen 5D, Akta Pendaftaran Perniagaan (APP 1956) sesuatu perniagaan yang telah tamat/tidak menjalankan perniagaan hendaklah didaftarkan penamatan dalam tempoh 30 hari kepada Pendaftar/SSM; dan
2. Jika sesuatu perniagaan tamat/tidak menjalankan perniagaan disebabkan kematian hendaklah mendaftarkan penamatan tersebut dari tarikh kematian dalam tempoh empat (4) bulan kepada Pendaftar/SSM.
3. Sesuatu Perniagaan yang hendak ditamatkan pendaftaran mestilah perniagaan aktif iaitu perniagaan berdaftar yang belum tamat tempoh perakuan pendaftaran.
4. Penamatan perniagaan boleh didaftarkan atas sebab-sebab berikut:
 - 4.1 Berhenti berniaga
 - 4.2 Kematian
 - 4.3 Bangkap
 - 4.4 Perintah Mahkamah

Prosedur Pendaftaran Penamatan Perniagaan

5. Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di ezbiz.ssm.com.my. Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu, kemudian hadir sekali sahaja di pejabat SSM terdekat untuk pengesahan identiti pemilik bagi tujuan keselamatan pengguna perkhidmatan Ezbiz Online. Sila rujuk [Tatacara Pengguna Ezbiz Mengaktifkan Pengguna ID Ezbiz](#) dan [Tatacara Pengguna Ezbiz Mendaftar Penamatan Perniagaan](#).
6. Sila lampirkan/"upload" dalam sistem ezbiz dokumen seperti berikut:
 - 6.1 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan yang aktif (mesti dikemukakan).
 - 6.2 Salinan Sijil kematian sekiranya penamatan disebabkan oleh kematian pemilik (sijil kematian hendaklah disahkan oleh pegawai suruhanjaya sumpah atau pegawai SSM yang ditetapkan oleh Pendaftar SSM)

6.3 Dokumen berkaitan sekiranya pemilik/rakankongsi bangkap atau perintah mahkamah untuk penamatan perniagaan

7. **Perniagaan perkongsian sahaja**, semua rakan kongsi akan menerima notis pemakluman berkaitan pendaftaran penamatan yang dilakukan. Rakan kongsi perlu buat mengesahan di portal Ezbiz Online. Selepas pengesahan dibuat oleh rakankongsi, baru pembayaran boleh dibuat (jika memohon maklumat perniagaan) dan dihantar untuk di proses.

8. Merujuk kepada perkara 7, dimana jika ada rakan kongsi yang belum aktif sebagai pengguna ID Ezbiz Online (sila rujuk perkara 5), Pendaftaran penamatan perniagaan yang hendak didaftarkan tidak boleh dilakukan.

Fi Pendaftaran

9. Berikut adalah Fi Pendaftaran penamatan perniagaan seperti berikut:

9.1 RM 0/tiada bayaran - Pendaftaran penamatan perniagaan

9.2 RM 10 - Maklumat Perniagaan

Panduan AM

10. Bagi perniagaan berdaftar yang tidak aktif iaitu perniagaan berdaftar yang tamat/luput tempoh perakuan pendaftaran, pemilik atau rakankongsi boleh memohon mendapatkan surat pengesahan penamatan perniagaan melalui perkhidmatan portal [MyDATA](#) atau [e-Info](#).

11. Pemilik/rakankongsi atau waris kadim jika gagal untuk menfailkan notis penamatan di mana suatu perniagaan telah ditamatkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP1956) dan jika disabitkan kesalahan dikenakan denda tidak melebihi RM 10,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya.

12. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.